

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

MAULID AL-RASUL : MESEJ KESATUAN UMMAH

Alhamdulillah, pada ruangan Bayan Linnas pada kali ini bersempena dengan bulan Rabi'ul Awwal, saya ingin membincangkan berkenaan dengan **MAULID AL-RASUL : MESEJ KESATUAN UMMAH**. Ini kerana, ia sentiasa dibincangkan saban tahun tatkala datangnya bulan Rabi'ul Awwal. Sebelum daripada itu, suka dinyatakan beberapa perkara penting berkenaannya.

Pertama : Tarikh kelahiran Rasulullah SAW

Ahli sejarah telah **berbeza pandangan** dalam menentukan tarikh kelahiran Rasulullah SAW. Terdapat 5 pendapat berhubung perkara ini :

- 12 Rabi'ul Awal pada Tahun Gajah, 531 Masihi. Ini pendapat Ibn Ishaq, al-Zahabi dan al-Tabari.
- 9 Rabi'ul Awal pada Tahun Gajah, 571 Masihi. Ini dinyatakan oleh Syeikh Safiurrahman al-Mubarakfuri di dalam kitabnya Al-Rahiq Al-Makhtum. Pendapat ini disokong oleh Syeikh Muhammad Khudori Biik dalam kitabnya Nurul Yaqin.
- 2 Rabi'ul Awal. Ini dinyatakan oleh Imam Abdul Barr dalam kitabnya Al-Isti'ab Fi Makrifat il-ashab. Dan diriwayatkan oleh Al-Waqidi dari Abu Ma'syar Najih bin Abdul Rahman Al-Madani.
- 10 Rabi'ul Awal. Pendapat ini diriwayatkan oleh Ibnu 'Asakir daripada Abu Ja'far Al-Baqir dan Mujalid daripada Sya'bi.
- 8 Rabi'ul Awal. Pendapat ini diceritakan oleh Humaidi dari Ibnu Hazm dan diriwayatkan Malik, 'Uqaili, Yunus bin Yazid dan lainnya dari Zuhri, dari Muhammad bin Jubair bin Muth'im. Dan ini telah dikuatkan oleh Al-Hafiz Abu Al-Khattab bin Dihyah di dalam kitabnya, At-Tanwir Fi Mawlid Al-Basyari An-Nazir.

Perlu difahami bahawa :

- Tahun yang **disepakati** adalah Tahun Gajah. Perbezaan pandangan adalah berapa bilangan hari selepas serangan tentera bergajah Abrahah. Ada yang menyatakan 40 hari dan ada yang menyatakan 50 hari selepas itu.
- Tarikh yang **disepakati** adalah pada bulan Rabi'ul Awal. Ada juga pandangan yang menyatakan pada bulan Safar tetapi pandangan ini amat lemah.
- Hari yang **disepakati** adalah hari Isnin.

- Berhubung haribulan, perkara ini diperselisihi para ulama'. Namun, pandangan yang terpilih adalah pada 9 Rabi'ul Awal sebagaimana yang dinukilkan oleh Syeikh Safiyurrahman al-Mubarakfuri di dalam *Al-Rahiq al-Makhtum*. Ia juga disokong oleh Syeikh Muhammad Sulaiman al-Mansurfuri dan ulama' falak terkenal, Al-Allamah Mahmud Basya Al-Falaki Al-Misri sebagaimana yang dinyatakan oleh Syeikh Muhammad Khudari Bik dalam *Sirah Nur al-Yaqin*. Wallahua'lam.

Kedua : Masa kelahiran Baginda SAW

Terdapat dua pandangan berkenaan masa kelahiran Baginda SAW :

- Ketika fajar hampir menyingsing. Ini pendapat al-Zubair bin Bakkar.
- Pada waktu pagi. Ini pendapat Syeikh Abdullah al-Siddiq al-Ghumari. Pendapat ini ditarjihkan oleh ramai ulama' seperti Sa'id bin al-Musayyib, Ibn Dihyah dan al-Zarkasyi.

Ketiga : Tempat kelahiran Rasulullah SAW

Rasulullah SAW dilahirkan di Makkah. Baginda SAW dilahirkan di rumah Abu Talib di Syi'b Bani Hashim. Bidan yang menyambut kelahirannya adalah al-Syifa', ibu kepada Abd al-Rahman ibn 'Auf. Ibn Athir berkata : *"Dikatakan Rasulullah SAW menghadihkan rumah tersebut kepada Aqil bin Abu Talib, kemudian beliau (Aqil bin Abu Talib) meninggal dunia dan anaknya telah menjual rumah tersebut kepada Muhammad bin Yusuf."*

Keempat : Maulid al-Rasul : Hukum Menyambutnya

Sebagai mukadimah, dinyatakan dalam kitab **Al-Bidayah wa al-Nihayah 13/136** al-Allamah Ibn Kathir antara lain beliau memuji Raja al-Muzaffar yang telah menyambut majlis Maulid al-Rasul secara besar-besaran dengan berkata : *"Adalah Raja al-Muzaffar menganjurkan Maulid Syarif pada Rabi'ul Awal dan membuat perhimpunan secara besar-besaran. Disamping itu, beliau adalah seorang yang berhati bersih, bersemangat, berani, mempunyai semangat keperwiraan, cerdas, alim, adil. Semoga Allah merahmatinya dan memuliakan kuburnya."*

Dinukilkan di sini daripada beberapa kitab bagaimana para penyair di kalangan sahabat dan lainnya memuliakan Baginda SAW samada di hadapannya atau melalui syair-syair mereka. Antaranya :

- Al-Abbas bersyair : *"Di kala dikau dilahirkan, bumi bersinar terang hingga jelas pasak bumi tidak mampu untuk menanggung cahayamu dan kami dapat terus melangkah lantaran kerana terangnya cahaya dan jalan yang terpimpin."* Lihat **al-Mustadrak ala al-Sahihain**.
- Hasan bin Thabit banyak menggubah syair di hadapan Rasulullah SAW dan para Sahabat Baginda.

• Sambutan Maulid seperti ini pasti disertai dengan berbagai bentuk kemungkar dan hal-hal yang diharamkan dalam agama.

b. Hukumnya adalah dibolehkan. Syeikh Abu Shamah atau nama sebenarnya, Syeikh Abdul Rahman bin Ismail al-Maqdisi (salah seorang Syeikh Dar al-Hadith di Damsyik) berpendapat : Adalah dibolehkan sambutan Maulidurrasul berdasarkan amalan oleh tokoh ulama' zaman dahulu antaranya di Irbil (salah satu wilayah di Iraq).

Selain itu, antara tokoh-tokoh ulama' silam dan kontemporari yang berpegang kepada keharusannya dan termasuk dalam bid'ah hasanah ialah :

- Imam Jalaluddin al-Suyuti
- Imam Ibn Hajar al-Haithami
- Syeikh Ibn al-Hajj al-Abdari
- Imam Ibn al-Battal
- Al-Hafiz Shamsuddin Muhammad bin Nasiruddin al-Dimashqi
- Al-Hafiz Shamsuddin bin al-Jazari
- Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi
- Syeikh Dr. Wahbah al-Zuhaili
- Syeikh Abdul Halim Mahmud
- Syeikh Atiyyah Saqr
- Syeikh Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi dan lain-lain.

Selain itu, para ulama' yang mengharuskan Maulid al-Rasul menggunakan hadis di bawah :

- Dari Abu Qatadah :

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ عَنْ صَوْمِ الْإِثْنَيْنِ فَقَالَ " فِيهِ وُلِدْتُ وَفِيهِ أُنزِلَ عَلَيَّ "

Maksudnya: Sesungguhnya Rasulullah SAW ditanya tentang puasa hari Isnin. Baginda menjawab: Padanya aku dilahirkan dan padanya diturunkan (al-Quran) ke atasku.

(Riwayat Muslim, no. 1162)

Ini menunjukkan bahawa Rasulullah mensyukuri nikmat Allah atas kelahirannya pada hari Isnin dengan berpuasa. Maka, jika Baginda SAW berpuasa pada hari Isnin kerana bersyukur kepada Allah atas kelahirannya sendiri pada hari itu, maka begitu juga bagi ummatnya untuk mensyukuri nikmat kelahiran Baginda SAW untuk berpuasa pada hari Isnin, membaca al-Qur'an, membaca kisah kelahiran Baginda SAW, bersedekah, atau melakukan perbuatan baik yang lain.

Sabda Nabi SAW :

مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَعَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كُتِبَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِ مَنْ عَمِلَ بِهَا وَلَا يَنْقُصُ مِنْ أَجْوَرِهِمْ شَيْءٌ

Maksudnya : “Barang siapa yang melakukan (merintis) dalam Islam sesuatu perkara yang baik maka ia akan mendapatkan pahala daripada perbuatan baiknya tersebut, dan ia juga mendapatkan pahala dari orang yang mengikutinya selepasnya, tanpa dikurangkan pahala mereka sedikitpun”.

(Riwayat Muslim, no. 1017)

Hadith ini memberikan satu kefahaman bahawa dibenarkan untuk melakukan perkara-perkara baru yang baik dan tidak bertentangan dengan al-Qur'an, al-Sunnah, athar mahupun ijma' ulama'. Maulid al-Rasul adalah perkara baru yang baik dan sama sekali tidak menyalahi satu-pun di antara dalil-dalil tersebut.

Dengan demikian, bererti hukumnya diharuskan bahkan sebagai salah satu jalan untuk mendapatkan pahala jika bertepatan dengan syarak.

Antara hujahnya juga adalah fatwa dan pandangan ulama' seperti berikut :

- Ibn Hajar al-Asqalani ketika ditanya tentang hukum perayaan Maulid al-Rasul menjawab : “Asal dalam amalan sambutan / peringatan Maulid adalah bid'ah yang tidak diriwayatkan dari ulama Salaf al-Soleh. Akan tetapi Maulid tersebut mengandungi banyak kebajikannya. Maka barangsiapa yang berusaha meraih kebaikan dalam Maulid dan menjauhi yang buruk, maka termasuk bid'ah yang baik (hasanah). Jika tidak, maka tidak disebut bid'ah hasanah.” (**Al Haawi Lil Fataawa** oleh Imam al-Jalaluddin al-Suyuti)

- Diringankan Abu Lahab pada tiap-tiap hari Isnin dengan sebab dia membebaskan hambanya Thuwaibah kerana menggembirakannya dengan kelahiran Nabi SAW.

Sesungguhnya al-Suhaili telah menyebut bahawa al-Abbas berkata : “Tatkala Abu Lahab meninggal dunia, aku bermimpi bertemunya selepas setahun pada seburuk keadaan lantas dia berkata : “Tidak aku dapati selepas kamu sebarang kerehatan kecuali azab diringankan daripadaku setiap hari Isnin. Yang demikian kerana Nabi SAW dilahirkan pada hari Isnin dan Thuwaibah telah memberikan berita gembira kepada Abu Lahab berkenaan dengan kelahiran Nabi SAW lantas dimerdekakannya.” (Imam Ibn Hajar al-Asqalani, **Fath al-Bari Syarah Sahih Bukhari**, 9/43 – 48)

- Syeikh Muhammad Bakhit Al-Muti'i (Mantan Mufti Mesir)

"Justeru setiap apa yang dijadikan ketaatan dan untuk mendekatkan diri kepada Allah yang tidak ditentukan syariat (Allah) waktu tertentu dan tidak pula tempat tertentu maka boleh bagi setiap mukallaf untuk melakukannya pada setiap waktu dan tempat, dan begitu juga setiap yang tidak termasuk dalam larangan umum atau khusus daripada syariat maka hukumnya Mubah/Harus, dan apa yang selainnya (yakni ada larangan) adalah bid'ah yang haram atau makruh. Maka wajib

untuk menghindarinya dan menghalangnya" (Muhammad Bakhit al-Muti'i, **Ahsan al-Kalam Fi Ma Yata'allaqu Bi al-Sunnah Wa al Bid'ah Min Ahkam**, m.74.)

- Syeikh Abdul Halim Mahmud (Mantan Syeikhul Azhar)

Maksudnya: "Sambutan Maulid Nabi SAW adalah sunnah/jalan yang baik daripada sunnah-sunnah yang diisyaratkan oleh Rasul SAW dalam sabdanya: "Barangsiapa melakukan sunnah yang baik, maka dia mendapat pahalanya dan pahala orang yang beramal dengannya, barangsiapa yang melakukan sunnah yang buruk, maka dia menanggung dosanya dan dosa sesiapa yang beramal dengannya" Dan ianya adalah kerana terdapat usul/asas yang membimbingnya dan dalil-dalil yang sahih yang berpandukan padanya. "Dan tidaklah bererti peninggalan salafussoleh bagi amalan yang soleh ini merupakan pertentangan kepada syariat, kerana salafussoleh masih mempunyai kebangkitan/keprihatinan agama dan cinta Nabi yang mulia yang mana menyebabkan mereka tidak memerlukan kepada peringatan hari maulid untuk disambut." (Abdul Halim Mahmud, **Fatawa Imam Abdul Halim Mahmud**, m.273)

Kenyataan Mufti Wilayah Persekutuan

Setelah mengamati pendapat-pendapat ulama', saya berpandangan bahawa sambutan Maulid al-Rasul adalah **harus** dan termasuk dalam **bid'ah hasanah** tetapi hendaklah dengan meraikan beberapa syarat utama, antaranya :

- Pengisian yang baik seperti tazkirah dan ceramah.
- Tiada percampuran lelaki dan perempuan.
- Menutup aurat.
- Tiada unsur maksiat.
- Mempelajari riwayat hidup Baginda SAW atau sirahnya dengan lebih baik dari tahun ke tahun. Alhamdulillah terdapat banyak kitab yang kita dapat manfaat untuk mengenali dan ma'rifah Rasulullah SAW. Antaranya :

- Kitab **Al-Rahiq al-Makhtum** oleh Syeikh Safiyurrahman al-Mubarakfuri
- Kitab **Sirah Nabawiyyah** oleh Ibn Hisham
- Kitab **Al-Syamail al-Muhammadiyah** oleh Imam al-Tirmizi

- Penekanan kepada keperluan mengikuti Sunnah Rasulullah SAW. Begitu juga memahami fiqhnya seperti :

- Kitab **Fiqh al-Sirah** oleh Syeikh Muhammad al-Ghazali
- Kitab **Fiqh al-Sirah** oleh Syeikh Dr. Muhammad Said Ramadhan al-Buti
- Kitab **Al-Sirah al-Nabawiyyah Durus wa 'Ibar** oleh Syeikh Dr. Mustafa al-Siba'ie
- Kitab **Al-Manhaj al-Haraki li al-Sirah al-Nabawi** oleh Syeikh Dr. Munir al-Ghadban dan lain-lain

- Disemarakkan dengan berselawat kepada Nabi SAW.
- Meraikan kegembiraan dan kesyukuran kelahiran Baginda SAW dengan bersedekah kepada fakir miskin.

Sebagai mengukuhkan kenyataan ini, suka saya petik pendapat Imam Abu Syamah. Antara lain berkata : *“Termasuk perkara baru atau bidaah yang dilakukan pada masa kita iaitu sambutan setiap tahun pada hari kelahiran Baginda SAW dengan bersedekah, melakukan yang ma'ruf, menzahirkan perhiasan dan kegembiraan. Maka sesungguhnya disamping itu, melakukan ihsan kepada golongan fakir miskin adalah tanda kecintaan dan memuliakan Rasulullah SAW dalam hati orang yang menyambutnya. Begitu juga merupakan tanda kesyukuran kepada Allah kerana diutus-Nya Rasulullah SAW sebagai pembawa rahmat ke seluruh alam.”*


Penutup

Dinukilkan di sini sebuah kisah daripada guru kami, Syeikh Muhammad Said Ramadhan al-Buti katanya : *“Di sebuah taman, terdapat pelbagai pohon kayu, ada yang besar dan ada yang kecil. Mereka hidup dalam keadaan yang bersuka ria. Tiba-tiba, pada suatu hari, jatuh sebilah mata kapak menyebabkan semua pohon kayu menangis dan berada dalam ketakutan. Ini kerana sudah pasti mereka semua akan ditebang. Akhirnya, mereka bertemu dengan pohon yang paling tua dan mengadu akan hal tersebut. Lantas pohon tua yang mempunyai banyak pengalaman itu berkata : ‘Jangan takut dan jangan menangis. Sesungguhnya mata kapak tidak boleh menebang kamu selama kamu tidak memberikan kepadanya dahan-dahan kamu untuk dijadikan hulu kapak.”*

Itulah mesej yang jelas betapa perlunya kesatuan ummah ditegakkan terutamanya kesatuan hati atau *rabitah al-qulub*.

Semoga kita semua bersatu hati dalam menyambut kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW dengan sentiasa mendekati diri kepada Allah dan menjauhi segala larangannya. Amin.

Akhukum fillah,



DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI
Mufti Wilayah Persekutuan